



15 Nov 2018
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 67 • Printed size: 293.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 10,100.00
Item ID: MY0034315899

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

UM tubuh Makmal Teknologi Blockchain

Kuala Lumpur: Universiti Malaysia (UM) menubuhkan Makmal Teknologi Blockchain di kampusnya di sini, dengan sasaran untuk menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) bertaraf dunia dalam bidang penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pembelajaran.

Makmal fizikal pertama seumpamanya di Malaysia itu ditubuhkan sebagai platform kepada penyelidik mengukuhkan kajian mereka menggunakan teknik atau aplikasi terkini, selain menghasilkan produk inovasi yang memiliki nilai komersial.

Naib Canselor UM, Datuk Ir Dr Abdul Rahim Hashim, berkata makmal itu penting bagi membolehkan pihak fakulti membina silibus atau subjek berkaitan *blockchain*, iaitu suatu sistem keselamatan yang memiliki privasi, tidak korup dan telus.

Beliau berkata, dengan adanya makmal itu diharap lebih banyak

penerbitan berimpak tinggi dapat dihasilkan dan kolaborasi antara penyelidik mampu diadakan.

"Penubuhan makmal ini juga membolehkan penyelidik dalam bidang *blockchain*, terutamanya dari UM mengaplikasikan kajian dan menambahbaik penggunaan sistem keselamatan terbabit.

Berkongsi kepakaran

"Usaha penubuhan makmal ini adalah melalui kerjasama kumpulan penyelidik UM diketuai Pensyarah Kanan di Jabatan Sistem dan Teknologi Komputer FSKTM, Dr Saaidal Razalli Azzuhri dengan penyelidik dari IFCON Technology Sdn Bhd (IFCON), Nik Izwan Kamil dan Aliff Shariffuddin," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Seminar Blockchain Kebangsaan dan Makmal Teknologi Blockchain UM di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) UM di sini, baru-baru ini.

Majlis itu dirasmikan Menteri Wilayah, Khalid Samad. Yang turut hadir, Pengarah IFCON, Ahmad Aliff A S Ahmad Shariffuddin.

Sementara itu, Ahmad Aliff A S berkata, bagi merencanakan penyelidikan *blockchain* di makmal terbabit, IFCON bukan sahaja menyediakan dana dan biasiswa kepada mahasiswa Ijazah Doktor Falsafah (PhD) bidang sama, tetapi juga kemudahan infrastruktur berkaitan.

Beliau berkata, jumlah keseluruhan tajaan diberikan IFCON untuk kelengkapan makmal, geran penyelidikan dan biasiswa berjumlah RM410,880.

"Melalui kerjasama dijalin, industri dapat memajukan sumber manusia dan menggunakan kepakaran dimiliki universiti, manakala pihak universiti boleh menyediakan mahasiswa dengan ilmu pengetahuan yang relevan kepada industri," katanya.



Khalid (tengah) bersama Dr Abdul Rahim (kiri) melihat secara dekat dron pada Majlis Perasmian Seminar Blockchain Kebangsaan dan Makmal Teknologi Blockchain UM, baru-baru ini.



15 Nov 2018
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 67 • Printed size: 293.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 10,100.00
Item ID: MY0034315899

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Universiti Malaya (UM) menubuhkan Makmal Teknologi Blockchain di kampusnya di sini, dengan sasaran untuk menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) bertaraf dunia dalam bidang penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pembelajaran. Makmal fizikal pertama seumpamanya di Malaysia itu ditubuhkan sebagai platform kepada penyelidik mengukuhkan kajian mereka menggunakan teknik atau aplikasi terkini, selain menghasilkan produk inovasi yang memiliki nilai komersial.